

MM 17 JUN 1984

RUSUHAN SEMPADAN SERIUS

A LUR SETAR 16 Jun - Datuk Sri Dr. Mahathir berkata hari ini kekecohan yang dicetuskan oleh sekumpulan pemuda Thai dengan mencerobohi memasuki kawasan Malaysia dan menyerang pemandu teksi serta kereta sewa di Bukit Kayu Hitam beberapa hari lalu, boleh dianggap sebagai perkara yang serius.

"Nak kata tak seriuspun, ada orang cedera," kata Perdana Menteri.

Bercakap kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat empat jam jawatankuasa UMNO bahagian Kubang Pasu di Bangunan UMNO di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan bahawa beliau telah diberi laporan lisan berhubung dengdn peristiwa yang berlaku Selasa lalu.

"Saya yakin pihak polis tahu untuk mengendalikn perkara itu," katanya.

Dalam kejadian itu yang berlaku di pagar sempadan Malaysia-Thai di Bukit Kayu Hitam sekumpulan 25 orang pemuda Thai yang menunggang motosikal menyerang dengan batu dan kayu teksi - teksi Malaysia menyebabkan beberapa orang pemandu dan pelancong tercedra.

Berikutan dengan kejadian itu pihak berkuasa, polis Malaysia dan Thai telah mengambil langkah-langkah segera untuk menenteramkan keadaan di kawasan tersebut.

Ekoran dari peristiwa itu pergaduhan telah berlakuantara kumpulan pemuda Thai itu dengan para peniaga di Pekan Dannork kerana kekecohan yang ditimbulkan oleh kumpulan tersebut menjajaskan perniagaan di pekan itu.

Dannork merupakan pusat membeli-belah yang ramai dikunjungi oleh pelancong dari Malaysia

kerana merupakan tempat membeli-belah yang menarik.

Mengenai laporan akhbar kononnya Menteri Kewangan, Tengku Razaligh Hamzah hendak mcletakkan jawatan, Perdana Menteri berkata beliau belum menerima sebarang berita mengenai perkara itu.

"Itu cuma laporan akhbar sahaja, saya belum dengar beliau berkata benar 'atau tidak,'" kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

"Saya tidak boleh ulas melainkan saya dengar dari mulut beliau sendiri," tambahnya.

"Perdana Menteri juga enggan mengulas tentang kemungkinan rombakan kabinet tidak lama lagi.

Menjawab satu soalan lain mengenai nama "Proton Saga" bagi kereta Malaysia, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata pihak Proton mempunyai jawatankuasa yang memilih dan menentukan nama itu.

"Sebenarnya, tidak ada satu nama yang bagus. Apa juga nama yang kita guna, ada orang suka dan ada orang yang tidak suka," tegas beliau.